



PPM/GCEO/0019/2022(SM)

5<sup>hb</sup> Oktober 2022

## **KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

*YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Datin/Cik/Tuan/Puan,*

### **PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH.**

Kami, Putrade Property Management Sdn. Bhd. ('PUTRADE'), komited untuk mengekalkan standard urus tadbir korporat dengan nilai-nilai kejujuran, integriti dan etika perniagaan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang mematuhi Pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuhah (ABMS) ISO 37001: 2016.

Pelaksanaan ini hendaklah diterapkan kepada pihak berkepentingan dalam menjalankan operasi dan aktiviti perniagaan PUTRADE seperti yang berikut:

- Orang Bersekutu - pihak dalaman, iaitu: pengarah, rakan kongsi atau pekerja PUTRADE
- Rakan Perniagaan – rakan perniagaan luar yang melaksanakan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak PUTRADE.

Untuk menggariskan prinsip PUTRADE dalam menangani isu rasuah dan korupsi, kami akan memperkenalkan **Polisi dan Garis Panduan Anti-Rasuhah dan Korupsi (Polisi ABAC)** dengan garis panduan yang boleh diterima secara umum.

Pihak PUTRADE komited untuk berkomunikasi dan mendidik pihak berkepentingannya bagi mematuhi dan memahami keperluan Polisi dan Garis Panduan Anti-Rasuhah dan Korupsi (Polisi ABAC) berserta kesan sekiranya berlaku sebarang kesalahan yang dinyatakan terhadap organisasi atau individu.

Pihak Lembaga Pengarah dan saya berharap agar setiap pihak berkepentingan PUTRADE **memberi perhatian dan kerjasama** kepada **sebarang komunikasi** yang akan datang dan **mengambil bahagian dalam program latihan dan kesedaran** mengenai Polisi dan Garis Panduan ABAC.

Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan tentang skop undang-undang yang terpakai atau penggunaan polisi syarikat dalam menangani isu rasuah dan korupsi, anda boleh menghubungi Jabatan Pematuhan dengan segera.



**WORLD TRADE CENTRE  
KUALA LUMPUR**

Terima kasih atas usaha anda dalam memenuhi keperluan pelaksanaan ini dengan penuh etika dan integriti.

Yang benar,

**MOHD YUSRI JUNOS**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan